

Pelajar IPT B40 boleh mohon komputer riba, tablet percuma bermula 15 April

Oleh Hazsyah Abdul Rahman - Mac 26, 2022 @ 10:31pm
bhnews@bh.com.my



Pelajar IPT dari keluarga B40 boleh mula memohon komputer riba, tablet percuma disediakan kerajaan secara dalam talian bermula 15 April ini (gambar hiasan) - FOTO BERNAMA

SANDAKAN: Kementerian Komunikasi dan Multimedia akan membuka permohonan kepada semua pelajar institusi pengajian tinggi (IPT), kolej swasta, politeknik atau pelajar kolej komuniti untuk mendapatkan tablet atau komputer riba percuma pada 15 April ini.

Menterinya, Tan Sri Annuar Musa berkata, sebanyak 450,000 peranti dijangka diedarkan tahun ini melalui tiga fasa pemberian dengan pengagihan dibuat Jun depan.

Beliau berkata, kerajaan memahami kepayahan ibu bapa tidak berkemampuan untuk membeli peranti yang harganya mencecah ribuan ringgit.

Justeru, katanya mulai 15 April kementerian akan membuka satu portal dalam talian, di mana pelajar termasuk di luar bandar daripada kumpulan berpendapatan rendah (B40) boleh memohon, terutama sekali yang menerima tawaran masuk universiti atau sedang belajar di politeknik atau kolej komuniti.

"Beritahu mak dan ayah tak payah keluar duit beribu-ribu nak beli laptop (komputer riba) atau tablet..

"Mulai 15 April ini buat saja permohonan kepada kementerian secara online (dalam talian) dan kerajaan akan berikan tablet percuma," katanya berucap ketika Program Santai Menteri Komunikasi dan Multimedia Bersama Keluarga Malaysia Daerah Sandakan, hari ini.

Beliau pada masa sama memberi jaminan peranti yang akan diberikan nanti berkualiti tinggi dan bukannya peranti 'cap ayam'.

Dalam pada itu, beliau berkata seramai 100,000 orang diperlukan untuk menjadi duta komuniti yang akan membantu penguatkuasaan prosedur operasi standard (SOP) menjelang pembukaan sempadan negara dan dalam tempoh peralihan fasa pandemik ke fasa endemik, seperti diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

"Kita akan ambil serta-merta dan boleh keluarkan watikah. Jadi pada 1 April nanti apabila pergerakan dibenarkan seperti biasa, kita harap duta komuniti sudah ada dalam masyarakat.

"Untuk pusingan pertama, seramai 30,000 akan diambil dan dijangka mencecah 100,000 mengikut keperluan.

"Justeru, orang ramai boleh ke pejabat penerangan daerah untuk mendapatkan maklumat lanjut dan mendapatkan watikah pelantikan supaya tidak dipertikai kelak," katanya.